

Usim sertai khatam al-Quran



Musa (tiga, kiri) dan Khairul Anuar (dua, kanan) bersama peserta melihat al-Quran yang disumbangkan NSW dan Pekerti sebelum majlis khatam bermula.

NILAI - Seramai 1,500 peserta menyertai Majlis Khatam Perdana anjuran Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Dewan Tuanku Canselor, di sini, kelmarin.

Majlis yang julung kali diadakan sempena meraikan keberkatan bulan Ramadan dan Nuzul Al-Quran itu dipimpin Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Ustaz Anuar Hasin yang juga merupakan Johan Tilawah Al-Quran Kebangsaan 2013 serta Finalis Rancangan Akademi Al-Quran, Ustaz Ahmad Tarmizi Abd Rahman.

Pengarah Pusat Islam, Dr. Khairul Anuar Mohamad berkata, melalui program pengisian Ramadan seperti ini, ia bukan sahaja mendekat-

kan umat Islam dengan kitab suci al-Quran, malah sebagai pendekatan baik untuk mendidik jiwa menyintai dan menghayati kalam-kalam ALLAH SWT yang penuh hikmah ini sebagai pedoman hidup.

“Penyertaan dan komitmen peserta amat baik untuk majlis khatam yang dianjurkan ini. Kita secara langsung juga menjadi sebahagian peserta untuk Majlis Khatam Perdana Negeri Sembilan yang diadakan serentak di seluruh negeri hari ini (kelmarin),” katanya.

Menurutnya, pihaknya juga berterima kasih kepada Yang Dipertua Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan (NSWO) yang juga Yang Dipertua Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat

Negeri Sembilan (Pekerti), Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumuddin kerana menyumbangkan 500 naskhah al-Quran untuk digunakan peserta dalam majlis berkenaan.

Sementara itu, Khairul Anuar berkata, pihaknya jangka program sama boleh dilaksanakan lebih giat tahun hadapan selepas siapnya kompleks dua tingkat Pusat Islam Usim dengan kos bernilai RM20 juta.

Turut sama menyertai majlis berkenaan, Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Datuk Dr. Hassan Basri dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr. Zulkiple Abd Ghani.